

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KOMPAUN DINAIKKAN BAGI PENGUATKUASAAN HARGA DAN BEKALAN BARANGAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjalankan tindakan penguatkuasaan lebih tegas berkaitan harga dan bekalan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
2. Sepanjang tempoh PKP ini (22.4.2020), **sebanyak 112 kes** di bawah pelbagai Akta telah diambil tindakan. Rampasan bernilai **RM 718,962.30**. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 84 kes telah dikompaun dengan nilai kutipan RM 38,500.00**.
3. Kes tertinggi dicatat dalam tempoh PKP adalah di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** iaitu **sejumlah 80 kes**.
4. Kerajaan amat prihatin dengan aduan pengguna berhubung harga barangan. Ketetapan tegas telah dilaksanakan **dengan menaikkan kadar kompaun** di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, iaitu RM1,000 (individu) dan RM2,000 (syarikat) bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga.

5. Bagi kesalahan menjual barang harga terkawal iaitu Gula Pasir Putih Bertapis Kasar, Gula Pasir Putih Bertapis Halus dan Gas Petroleum Cecair melebihi harga maksimum yang diwartakan, **amaun kompaun dinaikkan kepada RM 2,500.00 (individu) dan RM 5,000.00 (syarikat).**
6. Bagi kesalahan menjual barang harga terkawal (Topeng Muka) melebihi harga maksimum yang diwartakan, **amaun kompaun dikenakan sebanyak RM 10,000.00 (individu) hingga RM 20,000.00 (syarikat).**
7. Perlakuan mencatut dipandang serius dan merupakan suatu kesalahan. Jika perlakuan mencatut dapat dikesan, tindakan penguatkuasaan akan diambil dan peniaga **boleh dikenakan kompaun** maksimum RM50,000 (individu), manakala RM250,000 (syarikat).
8. Tindakan tegas diambil dalam tempoh PKP dan Ramadan ini bagi mengelakkan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barangan serta mengaut keuntungan berlebihan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.
9. **Peringatan:**

KPDNHEP memandang serius dan memberi amaran kepada semua peniaga supaya mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP terutamanya di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang termasuk dikenakan kompaun yang tinggi bagi kesalahan

tertentu dan sekiranya mereka gagal membayar kompaun yang dikenakan, tindakan pendakwaan di Mahkamah akan dilaksanakan.

-TAMAT-

Dato' Iskandar Halim Bin Sulaiman

Pengarah

Bahagian Penguatkuasa

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna

Putrajaya

24 April 2020